

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

**HKB422- Karya Pilihan dalam Kesusasteraan
Afrika Moden dan Amerika Latin**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan bahagian daripada Bahagian B.

...3/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. Berdasarkan novel dan puisi yang pernah anda kaji,uraikan peranan dan tanggungjawab pengarang-pengarang kulit hitam Afrika untuk mempastikan “white man to listen and to understand” dan kesenian mereka bebas daripada pengaruh“ western literary art”.

[100 markah]

2. Albert Chinualumogo Achebe memulakan penceritaan novelnya *Things Fall Apart* (1958) dengan menampilkan, “Okonkwo is man of action, a great man and man of war”, namun beliau telah menamatkan novelnya dengan menjadikan watak utamanya berakhir sebagai “empty man”. Pada hemat anda, adakah kecundangnya Okonkwo disebabkan oleh *ironic character* atau *ironic situations*?

[100 markah]

3. Drama *Death and the King's Horseman* (1998) karya Akinwande Oluwole Babatunde Soyinka memperlihatkan kepercayaan dan amalan masyarakat tradisi Yoruba yang percaya bahawa, “the death of the king must be followed by the ritual death of the king's horseman as well as the king's dog and horse, because the horseman's spirit is essential to helping the chief's spirit ascend to the afterlife. Otherwise, the king's spirit will wander the earth and bring harm to the Yoruba people” (Simon Gikandi, 2003). Tugas untuk melaksanakan pembunuhan ini diberikan kepada watak Elesin, malangnya gagal. Dalam konteks budaya dan kepercayaan Yoruba, jelaskan mengapa tugas itu gagal dilaksanakan.

[100 markah]

4. Apakah yang dimaksudkan dengan ruang peribadi wanita? Berdasarkan watak utama cerpen “The Arrangers of Marriage” (2009) karya Chimamanda Ngozi Adichie dan “Mother was a Great Man” (2008) karya Catherine Obianuju Acholonu, bincangkan secara kritis punca mengapa wanita Nigeria masih belum mendapat ruang peribadi mereka dalam hierarki sosial.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

Bahagian B

5. Cerpen "Kematian Yang Satu Lagi" karya Luis Jorge Borges dan "Wanita Paling Kecil di Dunia" nukilan Clarice Listector adalah contoh-contoh hasil karya yang muncul sewaktu generasi "Boom". Berdasarkan ciri-ciri "Boom", analisiskan kedua-dua buah cerpen tersebut untuk memperlihatkan aliran ini telah meletakkan Kesusasteraan Amerika Latin di peta dunia.

[100 markah]

6. Setelah diumumkan sebagai pemenang Hadiah Nobel (Kesusasteraan) pada tahun 2010, Jorge Mario Pedro Vargas Llosa menegaskan dalam ucapan beliau, "It's very difficult for a Latin American writer to avoid politics. Literature is an expression of life, and you cannot eradicate politics from life." Berdasarkan novel *The Real Life of Alejandro Mayta* (1985), bincangkan reaksi dan pendirian politik Varga Llosa terhadap politik Peru.

[100 markah]

7. Robert Clemens telah menganggap Neftalí Ricardo Reyes Basoalto "as a spokesman for love". Berdasarkan puisi "Love" (yang dilampirkan), berikan pandangan kritis anda bagaimana untuk mengubah pengertian bahawa "love" itu bukannya cinta sesama manusia sebaliknya cinta penyair terhadap tanah airnya Chile yang ditafsirkannya sebagai "love is too short, forgetting is so long."

[100 markah]

8. Seorang ahli akademik Edmundo Paz-Soldan dari Bolivia, menyatakan bahawa, perkembangan Kesusasteraan Amerika Latin kini ditandai oleh kemunculan aliran baru "McOndo". Jelaskan maksud aliran "McOndo" danuraikan bagaimana aliran ini telah mengambil alih aliran "Boom" dan "Pascaboom" dalam perkembangan kesusasteraan dan budaya masyarakat Amerika Latin.

[100 markah]

- 4 -

LAMPIRAN**LOVE**

What's wrong with you, with us.
what's happening to us?
Ah our love is a harsh cord
that binds us wounding us
and if we want
to leave our wound,
to separate,
it makes a new knot for us and condemns us
to drain our blood and burn together.

What's wrong with you? I look at you
and I find nothing in you but two eyes
like all eyes, a mouth
lost among a thousand mouths that I have kissed, more beautiful,
a body just like those that have slipped
beneath my body without leaving any memory.

And how you went through the world
like a wheat-colored jar
without air, without sound, without substance!
I vainly sought in you
depth for my arms
that dig, without cease, beneath the earth:
beneath your skin, beneath your eyes,
nothing,
beneath your double breast scarcely
raised
a current of crystalline order
that does not know why it flows singing.
Why, why, why,
my love, why?

Neftali Ricardo Reyes Basoalto
1945

- oooOooo -